

01/11/2002

Detik permulaan perkukuh, mantapkan Puteri Umno

Misiah Taib; Salina Abdullah

PERHIMPUNAN Agung Puteri Umno yang berlangsung hari ini, mencatat banyak sejarahnya yang tersendiri. Ini adalah perhimpunan agung pertama pergerakan termuda dalam Umno itu selepas ia ditubuhkan hampir dua tahun lalu, bertujuan menarik penyertaan lebih ramai generasi muda ke dalam parti keramat bangsa Melayu itu.

Perhimpunan julung kali yang disertai 660 perwakilan dari 165 bahagian itu, selain 2,000 pemerhati, juga akan menyaksikan penyerahan secara rasmi tonggak kepimpinan Puteri Umno kepada bekas ketua penajanya, Azalina Othman Said.

Satu peristiwa yang menandakan pengiktirafan secara rasmi keluarga Puteri Umno terhadap kewibawaan Azalina untuk menerajui pergerakan itu meneruskan perjuangan Umno sekalipun entiti itu masih dianggap terlalu muda, masih bertatih dalam kancah politik negara.

Satu peristiwa yang pastinya paling bermakna bagi Azalina, kerana di sebalik pelbagai dakwaan dan tuduhan yang dilemparkan terhadapnya, beliau tetap terpilih dan diberi kepercayaan, menerusi sistem demokrasi, untuk menerajui pergerakan itu.

Azalina, 38, seorang peguam, hari ini akan disahkan ke jawatan Ketua Puteri Umno - kedudukan yang meletakkannya bertaraf Naib Presiden dalam hirarki parti, sama seperti Ketua Wanita dan Pemuda Umno.

Namun, Perhimpunan Agung Pertama Puteri Umno ini bukan perhimpunan untuk Azalina. Bukan perhimpunan untuk pengikut dan penyokong Azalina. Perhimpunan agung ini adalah permulaan untuk perjalanan yang lebih jauh dan lebih berliku dalam memastikan matlamat perjuangan Umno dicapai.

Seperti diramalkan, Perhimpunan Agung Puteri Umno pertama yang berlangsung hari ini dianggap agak hambar berikutan tiada pertandingan bagi jawatan tertinggi dalam entiti baru Umno itu.

Meskipun terpaksa melalui ranjau berduri dan dilemparkan pelbagai tohmahan bukan saja menerusi media picisan dan laman web, malah melalui laporan polis, Azalina tetap mendapat kepercayaan untuk menerajui Puteri Umno.

Ketua Penaja Puteri Umno itu yang mendapat pencalonan 100 peratus daripada 165 bahagian sehingga selesai mesyuarat bahagian 15 Oktober lalu, awal-awal lagi sudah dinobatkan sebagai Ketua Puteri. Cuma tarikh kuat kuasanya saja bermula hari ini.

Empat calon yang menawarkan diri mencabar Ketua Penaja Puteri Umno itu ialah Mastina Abdul Hamid, Raihan Sulaiman, Mazibah Md Zin dan Ummi Hafilda Ali.

Begitu juga jawatan Naib Ketua Puteri, yang sudah pun diisi oleh Noraini Ahmad, yang juga menang tanpa bertanding selepas dua pencabarnya yang turut mendapat pencalonan - Shahaniza Samsuddin dan Azlina Mehtab Mohd Ishaq - menarik diri.

Sebelum itu, Noraini menerima 133 pencalonan, Shahaniza mendapat 19 pencalonan, manakala Azlina mendapat 13 pencalonan.

Justeru, perhimpunan hari ini sekadar bakal menyaksikan pertandingan bagi merebut jawatan pengerusi tetap Puteri Umno, timbalan pengerusi tetap serta 20 kerusi exco.

Tiga calon akan merebut jawatan pengerusi tetap Puteri Umno, dua yang lain merebut jawatan timbalan manakala 47 lagi akan bertanding merebut jawatan exco pergerakan itu.

Jawatan pengerusi tetap akan ditandingi Bibi Sunita Sakandar Khan,

Farida Kee Mui Ling dan Rohani Abu Hassan manakala jawatan timbalan menjadi rebutan antara Marliny Abdul Samad dan Sulasi Haji Mahadi.

Setiap perwakilan akan diberi tiga kertas undi untuk membuat pilihan mereka. Sebanyak 160 tempat mengundi akan disediakan. Keputusan undian dijangka akan diketahui kira-kira jam 7 malam ini.

Tidak dapat dinafikan, perhimpunan agung ini pastinya membuahkan rasa bangga di kalangan 'budak-budak hingusan' Umno ini kerana akhirnya mereka dianggap cukup dewasa untuk mengendalikan satu perhimpunan yang besar. Tetapi rasa bangga semata-mata tanpa benar-benar mampu menghayati erti dan matlamat perjuangan Umno, akan menjadikan sayap kiri Umno ini, sayap yang tidak bermaya dan lumpuh.

Pergolakan dan kekecohan yang timbul baru-baru ini menjelang pencalonan Ketua Puteri Umno seharusnya dijadikan iktibar dan panduan untuk memantapkan pergerakan ini. Mungkin ramai anggota Puteri Umno, termasuk daripada kalangan pucuk pimpinannya tidak sedar atau tidak mahu sedar, huru-hara yang timbul menjelang pemilihan ini sedikit-sebanyak menjejaskan imej Puteri Umno.

Banyak rungutan diterima daripada ahli Puteri Umno, betapa mereka malu menjadi ahli Puteri. Umur baru setahun jagung tetapi 'perangai buruknya' tidak kurang hebat.

Bukan saja menjelang pemilihan, malah pelbagai aduan berhubung kelakuan buruk Puteri Umno banyak didengari ketika pilihan raya kecil. Malah, ada Puteri Umno yang mengemukakan permohonan untuk menukar keahlian ke Pergerakan Wanita Umno.

Mungkin ada yang beranggapan cerita-cerita ini keterlaluan dan direka segelintir pihak yang sengaja mahu menjatuhkan Puteri Umno. Ini kisah benar. Jika ahli dan pimpinan Puteri Umno benar-benar membuat penyelidikan, turun padang, mereka pasti akan menerima rungutan sedemikian.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, ketika diminta mengulas perebutan jawatan Ketua Puteri dulu, mengakui pergolakan yang berlaku dalam pergerakan itu menjejaskan nama baik Puteri Umno dan menjejaskan matlamatnya mendapatkan keahlian daripada generasi muda.

Sungguhpun menyifatkan persaingan itu sihat, sikap memburuk-burukkan sesuatu pihak, bukan saja akan menjejaskan imej pergerakan itu, malah individu terbabit, termasuk yang membuat pertuduhan.

Seharusnya, 'kanak-kanak' yang masih bersih jiwanya ini (masih mentah dalam dunia politik), mudah memahami dan mengikuti arahan 'orang lebih tua'. Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini pernah berkata, sikap memburuk-burukkan pihak lain, terutama menjelang pemilihan bukan saja akan menjejaskan imej parti, malah setiap individu terbabit.

Malah, beliau berkata, setiap manusia mempunyai cacat-cela dan kelemahan. Oleh itu, adalah mustahil untuk memilih pemimpin yang sempurna.

Namun, dalam meneruskan perjuangan Umno, memartabatkan bangsa Melayu, mungkin ada baiknya Puteri Umno melakukan muhasabah diri. Menilai kekurangan, kelemahan dan memperbaikinya. Satu perkara yang dirasakan penting dilakukan Puteri Umno dengan keahlian lebih 90,000 orang ketika ini ialah untuk merapatkan semula hubungan sesama ahli di dalam parti itu sendiri.

Sudah sampai masanya, dakwaan dan tuduh-menuduh dihentikan. Laporan polis mengenai salah laku Azalina, umpamanya, masih dibuat oleh segelintir pihak sekalipun Azalina sudah membuktikan dirinya menjadi pilihan keluarga Puteri Umno.

Adalah menjadi harapan semua pihak supaya perkara seumpama ini ditamatkan demi masa depan Puteri Umno dan bangsa Melayu secara keseluruhannya. Mulakan buku baru bagi memastikan Puteri Umno dapat diterima ramai.

Hanya dengan hubungan yang rapat dan mesra serta sikap saling hormat-menghormati sesama ahli ini, setiap program yang direncanakan untuk memartabatkan bangsa Melayu akan dapat dilaksanakan dengan berkesan, sekali gus meningkatkan keyakinan orang ramai, khususnya generasi muda terhadap pergerakan itu.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian oleh Puteri Umno ialah untuk tidak bersikap hidung tinggi dan tahu menyesuaikan diri walau di mana saja mereka berada.

Perwakilan Umno Kedah pada Perhimpunan Agung Umno, Jun lalu, Datuk Badruddin Amiruldin, pernah mengingatkan `adik-adik' Puteri Umno supaya jangan bersikap hidung tinggi. Jangan sombong.

Sebagai anggota termuda dalam keluarga Umno, tiada salahnya jika mereka bersikap merendah diri dan menghormati kakak, abang, pak cik, mak cik, malah datuk, nenek dalam Umno. Lebih-lebih lagi kepada pengundi dan bakal ahli yang masih ramai di sekeliling mereka.

Diminta membuat rumusan Perhimpunan Agung Puteri Umno hari ini, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata keputusan semua bahagian Puteri mengekalkan kepemimpinan sedia ada membuktikan kematangan mereka.

Sekarang, kata beliau, adalah masanya untuk semua ahli Puteri merapatkan lagi barisan untuk menghadapi cabaran lebih hebat bukan saja dalam senario politik tanah air tetapi juga dalam pembinaan negara.

"Calon yang tidak dipilih harus menerima hakikat bahawa ia bukan penghujung kepada perjuangan mereka. Ini kerana sesiapa saja boleh berkhidmat kepada parti tanpa memegang sebarang jawatan," katanya.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yakin perhimpunan hari ini bakal menjadi detik permulaan kepada usaha mengukuh dan memantapkan lagi sayap baru dalam Umno itu.

Beliau percaya, kepemimpinan dalam Puteri mampu membawa entiti baru Umno itu ke arah kecemerlangan dengan sokongan semua ahli Puteri.

"Saya percaya semua ahli Puteri sudah cukup matang untuk membuat keputusan terbaik untuk pergerakan itu. Ahli-ahli Puteri perlu kembali bersatu demi memantapkan lagi pergerakan itu," katanya.

Muhyiddin berkata, kehadiran ramai kalangan profesional dalam Puteri Umno juga bakal membawa pergerakan itu ke arah matlamat yang diharapkan, sekali gus memberi sumbangan besar kepada parti.

Najib pula berkata, Puteri Umno perlu berpegang kepada peranan utamanya sebagai landasan untuk meraih sokongan generasi muda, khususnya dari kalangan wanita berusia 18 hingga 35 tahun.

Ini sejajar dengan sejarah awal penubuhan Puteri, yang mana berikutan hilang sokongan majoriti Melayu pada pilihan raya umum 1999, kertas cadangan penubuhan pergerakan itu yang diajukan kepada pucuk pimpinan parti diharap dapat meraih sokongan generasi muda, sekali gus memastikan Umno terus relevan pada masa depan melalui keahlian baru wanita profesional muda Melayu.